

Hukum Islam akan dilaksanakan ikut kemampuan — PM

UM 2 JUL 2004

KUALA LUMPUR 1 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan tembelang Pas yang sanggup memecah-belahkan orang Melayu kerana soal hukum hudud yang didakwa oleh Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang hanya 0.001 peratus daripada undang-undang Islam.

Perdana Menteri berkata, dalam masa yang sama parti itu mendakwa kerajaan adalah kafir dan sekular kerana tidak melaksanakan hukum tersebut.

Katanya, kerajaan akan melaksanakan hukum Islam setakat yang termampu dengan mengambil kira 40 peratus rakyat bukan Islam di negara ini.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan telah membuat kajian dan mendapati tidak ada satu pun negara di dunia ini melaksanakan hukum hudud sepenuhnya kerana ia memerlukan cara yang sukar dilaksanakan.

“Contohnya, nak cari empat saksi yang tidak berdosa besar dalam kes rogol. Adakah mereka hanya tengok dan tidak buat apa-apa, tak panggil polis.

“Ini akan menyebabkan tidak tercapai keadilan tetapi Pas jadikan isu hudud sebagai alasan tidak boleh duduk bincang bersama dengan UMNO tentang masalah orang Melayu,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan dua wakil pelajar dari Universiti Malaya (UM) menyentuh pelaksanaan hukum hudud semasa sesi dialog pada Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru di Auditorium Perdanasiswa, UM hari ini.

Dr. Mahathir berkata, isu itu sekali lagi diputarbelitkan oleh Pas apabila Hadi enggan mengemukakan secara bertulis cada-

ngan penubuhan negara Islam oleh parti itu.

Katanya, apabila ditanya oleh wartawan sama ada negara Islam itu ala Iran, Arab Saudi atau Taleban, Hadi menjawab situasi di Malaysia adalah berlainan.

“Itulah yang kita laksanakan kerana UMNO mengambil kira 40 peratus bukan Islam di Malaysia.

“Dia (Hadi) kata bagi Pas perintah dulu baru sediakan dokumen negara Islam dan ini menunjukkan Pas putar belitkan agama dan tidak menepati janji,” tegasnya.

Perdana Menteri memberi contoh, Afghanistan sebagai negara yang hampir 100 peratus beragama Islam juga tidak dapat melaksanakan hukum Islam kerana satu pertiga daripadanya ditakluk oleh penyokong Taleban.

Katanya, kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk menentukan Islam dapat diamalkan tanpa sebarang gangguan dengan menyediakan kemudahan seperti masjid, Tabung Haji, Universiti Islam Antarabangsa dan sebagainya.

Menurut beliau, dunia telah mengiktiraf Malaysia sebagai contoh negara Islam yang lain.

“Apa lagi yang kita tidak buat yang menjadikan kita tidak Islam. Tak ada bangsa di dunia ini yang dapat membuat sesuatu yang dapat memuaskan hati semua orang,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, tuduhan itu masih wujud mungkin kerana kerajaan tidak memaksa semua wanita memakai jilbab seperti orang Taleban.

Katanya, Taleban telah mengkhianati orang Islam kerana melarang 500,000 wanitanya bekerja dan menafikan sumbangan mereka kepada negara.